

KONSEP DAN CIRI-CIRI TAMADUN DALAM AL-QUR'AN

Oleh:
Ali Mohammad

Abstract

Islamic civilization is the fruit and result of Islam as a religion. Its development is basically based on the major sources of Islam, i.e. the Quran and the Prophetic tradition. This civilization is a universal civilization as Islam is. This article presents the concept and major elements of Islamic civilization based on Quranic perspective.

PENDAHULUAN

Islam yang dibawa oleh Nabi dan Rasul terakhir Muhammad bin Abdullah s.'a.w, bermula di Kota Mekah dan Madinah, kemudian tersebar ke seluruh Semenanjung Tanah Arab sehingga sampai ke setiap pelusuk dunia. Kedatangan Islam ini telah berjaya membentuk sebuah tamadun yang unggul, lengkap dan sempurna yang dinamakan: "Tamadun Islam", skopnya merangkumi semua aspek kepentingan hidup manusia sejagat, malah mencakupi makhluk Allah SWT seluruhnya. Asas kepada pembentukan tamadun Islam adalah berpaksi kepada al-Qur'an itu sendiri.

KEDUDUKAN AL-QUR'AN AL-KARIM

Al-Qur'an adalah kitab Allah SWT yang benar, lengkap dan sempurna seperti dinyatakan dalam ayatnya sendiri:

" .. لَا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِنْ بَيْنِ يَدِهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ، تَزْيِيلٌ مِّنْ

¹ حَكِيمٌ حَمِيدٌ".

Maksudnya: "Kitab yang tidak dapat didatangi oleh sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan segi sekalipun; ia diturunkan dari Allah yang

¹ Surah Fuṣṣilat (41: 42).

Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.”

Al-Qur'an sebuah kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu seperti dalam firman Allah:

”الر ، كَابِحُكْمَتِ آيَاتِهِ ثُمَّ فَصَلَّتْ مِنْ لَدْنِ حَكِيمٍ

خَيْرٌ².

Maksudnya: “*Al-Qur'an sebuah kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh, kemudian dijelaskan pula kandungannya satu persatu, (susunan dan penjelasan itu) adalah datang dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Mendalam pengetahuanNya.*”

Ia adalah sebuah kitab di mana perintah-perintahnya menjadi petunjuk kepada sesiapa yang dapat menilainya, contoh-contoh perbandingannya menjadi pengajaran kepada sesiapa yang dapat menelitinya. Di dalamnya Allah SWT telah mensyari'atkan hukum-hukum wajib, membezakan antara yang halal dan haram, mengulangi nasihat-nasihat dan kisah kepada yang faham, menceritakan mengenai perkara-perkara ghaib dan sebagainya, seperti dalam firmanNya:

ما فِرَطَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ ثُمَّ إِلَى رَبِّهِمْ يَحْشُرُونَ³

Maksudnya: “*Tidak Kami tinggalkan sesuatu pun di dalam kitab (*al-Qur'an*) ini; (segala yang diperlukan), kemudian mereka sekaliannya akan dihimpunkan kepada Tuhan mereka (untuk dihisab dan menerima balasan).*”

Bicara seperti ini telah ditujukan kepada para pendokong kitabNya ini sehingga mereka faham, dan menerangkan kepada mereka maksudnya sehingga mereka mengerti.⁴

Memang benar kitab Al-Qur'an (seperti yang dinyatakan oleh penciptanya Yang Maha Agong) tidak meninggalkan sesuatu apapun melainkan disebutnya; Ia telah membawa kepada manusia sejagat segala perkara yang boleh memberi kebaikan dan kebahagiaan kepada mereka, dan apa yang disyari'atkan kepada mereka, adalah suatu yang jelas dan berbentuk umum supaya sesuai di setiap masa dan tempat atau situasi kehidupan mereka.

Kemudian Allah SWT menjadikan RasulNya sebagai penjelas kepada sesuatu ayat atau hukum yang ringkas, penafsir kepada sesuatu yang rumit atau sukar dan

² Surah Hūd (11: 1).

³ Surah al-An‘ām (6: 38).

⁴ Muqaddimah *Tafsīr al-Qurtubī*, Cet. al-Sya'ab, Kaherah (1961), jil. 1, hal 1.

Konsep Dan Ciri-ciri Tamadun Dalam al-Quran

mempastikan sesuatu yang kesamaran; supaya akan jelas bidang tugasnya dan kuasa penentuannya itu, di samping tugas menyampaikan *risalah* Allah SWT itu, firmanNya:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتَبَيَّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلْنَا مَعَهُ مِنْ⁵

يَفْكِرُونَ".

Maksudnya: "... dan Kami turunkan kepada kamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka"

Dengan itu, al-Qur'an al-Karim menjadi teks asal yang utama, manakala al-Sunnah pula sebagai penjelas atau penghurai.⁶ Hal ini dikuatkan lagi dengan firman Allah:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا هُنَّا كُمْ عَنْهُ فَانْهِوا⁷.

Maksudnya: "... dan apa juga perintah yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w kepada kamu semua maka terimalah serta amalkan, dan apa juga yang dilarangnya kamu dari melakukannya maka patuhilah larangannya itu ..."

Juga penjelasan Allah SWT lagi dalam firmanNya:

وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ⁸.

Maksudnya: "... Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) adalah pemberi petunjuk (dengan al-Qur'an ini) ke jalan yang lurus, iaitu jalan atau agama Allah SWT"

ASPEK UTAMA TAMADUN ISLAM

Antara aspek utama mengenai tamadun manusia yang banyak dibicarakan oleh al-Qur'an, merangkumi berbagai konsep yang sangat penting dalam penghidupan umat manusia seluruhnya, seperti keagamaan, akhlak, sosial, ekonomi, sastera, ilmu pengetahuan, politik dan lain-lain lagi. Dalam makalah ini hanya empat aspek sahaja yang akan dikemukakan oleh penulis. Aspek yang dimaksudkan ialah aspek keagamaan, sosial dan akhlak serta ekonomi dan politik.

⁵ Surah al-Nahl (16: 44).

⁶ Muqaddimah *Tafsir al-Qurtubi*, cet. al-Sya'ab, jil. 1, hal 2.

⁷ Surah al-IJasyr (59: 7).

⁸ Surah al-Syūrā (42: 52).

a) Aspek Keagamaan

Supaya lebih jelas dan terang mengenai kedudukan al-Qur'an al-Karim yang merupakan sumber asal dan utama bagi Tamadun Islam, penulis cuba mengemukakan di sini ayat-ayat al-Qur'an yang memberi penekanan kepada beberapa ciri berkenaan:

i. **Mensyariatkan fardu solat:** ia merupakan sebagai alat komunikasi antara seorang hamba dengan Penciptanya (Allah SWT), untuk menjadi penghalang atau mencegahnya dari melakukan kejahanatan dan kemungkaran, seperti firman Allah:

"إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ".⁹

Maksudnya: "Sesungguhnya solat itu boleh mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar"

Di samping itu, Dia mengkhususkan pula pada hari Jumaat setiap minggu suatu solat berjamaah yang lebih besar, sebagai medan untuk berkenal-kenalan, bertukar-tukar fikiran, bermesra dan berkasih sayang. Mereka perlu segera pergi untuk mengingati Allah SWT bila mendengar seruan azan, dengan meninggalkan segala urusan jual beli dan apa jua tuntutan keduniaan, bagi menumpukan kepada 'ibadah khusus ini dan manghalakan dirinya kepada Allah SWT, dalam jangka waktu yang lebih panjang dari solat harian yang lain.

ii. **Mensyariatkan fardu zakat:** iaitu di samping kedudukannya dari sudut keagamaan, ia juga mempunyai peranan yang sangat penting dalam aspek-aspek sosial yang menyentuh umat sehari-hari, dan ia mempunyai hubungan yang cukup erat dengan seluruh anggota masyarakat. Aspek ini dapat dilihat dalam proses pengumpulan harta dan pembahagiannya kepada beberapa kelompok masyarakat yang telahpun ditetapkan oleh al-Qur'an sendiri, melalui firman Allah SWT yang berbunyi:

"إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفَقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَؤْلَفَةُ
قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ
فِرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ ، وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَكِيمٌ".¹⁰

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, orang-orang miskin, 'amil-'amil yang menguruskannya,

⁹ Surah al-'Ankabut (29: 45). Juga sabda Nabi s.'a.w maksudnya: "Sesiapa yang solatnya tidak dapat menyekatnya dari kejahanatan dan kemungkaran, hanyalah akan menjauhkan lagi dirinya dari Allah SWT." Lihat *Tafsîr Rûh al-Mâ'âni Li al-Alûsi*, cet. al-Muniriyah, Kaherah, jilid 3, hal 80.

orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

iii. **Mensyariatkan fardu puasa:** iaitu untuk memperkuatkan ketahanan rohani atau spiritual bagi menghadapi runtunan hawa nafsu, kerana sudah menjadi suatu lumrah bahawa nafsu keinginan manusia tidak pernah terbatas dan sukar dikawal, seperti firman Allah SWT melalui lidah Nabi Yusuf a.s. dalam al-Qur'an:

¹¹ "وَمَا أَبْرَئَ نَفْسَيِّ إِنَّ النَّفْسَ لَأُمَّارَةٌ بِالسَّوءِ"

Maksudnya: “Dan tidaklah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahanatan”

iv. **Mensyariatkan fardu haji:** iaitu sebagai suatu kunjungan umum dan rapat raksasa untuk melihat serta mengambil pengajaran dari perkara-perkara yang berfaedah bagi mereka, nasihat-menasihati dengan kebenaran dan kesabaran, seperti dalam firman Allah:

"لِيَشْهُدُوا مِنَافِعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ".¹²

Maksudnya: “Supaya mereka dapat menyaksikan berbagai perkara yang aneh dan ganjil serta boleh mendatangkan faedah kepada mereka, serta memperingati dan menyebut nama Allah pada hari-hari yang tertentu”

v. **Menggalakkan supaya bertaubat:** iaitu meyakinkan mereka tentang penerimaan Allah SWT atas taubat, atau pengembalian mereka kepadaNya serta beramal soleh, seperti firman Allah SWT dalam al-Qur'an:

"وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيْمَانُ الْمُؤْمِنِينَ لِعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ".¹³

Maksudnya: “..... dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu semua berjaya.”

Allah SWT memerintah kaum muslimin supaya berhimpun di masjid-masjid lima

¹⁰ Surah al-Taubah (9: 60).

¹¹ Surah Yūsuf (12: 53).

¹² Surah al-Hajj (22: 28).

kali setiap hari, kemudian sekali seminggu pada hari Jumaat, lepas itu dua kali setiap tahun bagi mereka yang mampu, untuk membiasakan dengan kesabaran, keazaman yang tinggi dan sanggup menanggung berbagai kesukaran.¹⁴

Aktiviti ini akan dapat melahirkan sebuah masyarakat yang baik dan berkualiti, boleh mengembirakan orang lain dan dapat menikmati rasa mesra dan kasih sayang, hormat-menghormati serta dapat menjalin hubungan persaudaraan yang erat antara seluruh anggota masyarakat muslim itu sendiri

b) Aspek Sosial dan Akhlak

Terdapat banyak sekali di dalam al-Qur'an peraturan atau undang-undang sosial dan akhlak yang melibatkan perkara-perkara seperti; mengenai hubungan atau pengurusan antara manusia sesama sendiri, mengenai undang-undang syari'at secara khusus, mengenai adab serta tatasusila kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

Pertama: Berkennaan dengan konsep berurusana atau perhubungan (*mu'amalat*), Allah SWT telah membawa asas-asasnya pada banyak tempat di dalam al-Qur'an, antaranya:

1. Memerintah secara umum supaya menyempurnakan segala perjanjian ('*uqud*) dalam semua urusan, seperti dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

"بَّأَيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُهُودِ".¹⁵

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, penuhilah serta sempurnakanlah segala perjanjian ..."

'*Uqud* ialah satu perkataan atau istilah yang mencakupi seluruh tuntutan yang diperlukan oleh setiap insan, dalam urusan jual-beli, hutang-piutang dan sebagainya dalam kehidupan mereka.

2. Melarang dari memakan atau mengambil harta orang lain dengan cara yang salah dan kotor, sepetimana yang terdapat dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

"بَّأَيْهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بِنِكَمٍ بِالْبَاطِلِ".¹⁶

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan atau gunakan harta-harta sesama kamu dengan jalan yang salah atau kotor

¹³ Surah al-Nūr (24: 31).

¹⁴ Abū Zaid Syalabi, *Tārīkh al-Hadārah al-Islāmiyyah wa al-Fikr al-Islāmi*, hal 39.

¹⁵ Surah al-Mā'idah (5: 1).

¹⁶ Surah al-Nisā' (4: 29).

(*batil*), (*iaitu dengan cara penipuan, penyelewengan, amalan rasuah dan sebagainya...*)."

3. Melarang dari memakan atau mengamalkan riba dengan cara yang keras dan ganas, supaya tidak kehilangan maruah, mengundang kebencian orang lain, menimbulkan kekecohan dan lain-lain kerosakan, seperti firman Allah SWT yang berbunyi:

"الذين يأكلون الربا لا يقومون إلا كما يقامون المساكين"

يَخْبِطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ".¹⁷

Maksudnya: "Orang-orang yang memakan atau mengambil riba itu tidak akan dapat berdiri betul, melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan atau rasukan (syaitan) itu ..."

4. Menggalakkan supaya memberi masa atau tempoh kepada orang yang ber hutang sekiranya dia dalam kesusahan, malah kalau boleh melupus atau menghalalkannya, seperti yang terdapat dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

"إِنَّمَا ذُو عَسْرَةَ فَنِعْمَةٌ إِلَى مُسْرِرٍ ، وَأَنْ تَصْدِقُوا خَيْر

لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ".¹⁸

Maksudnya: "Dan jika orang yang ber hutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga lapang hidupnya. Dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar kamu akan dapati kelak)...."

5. Menitik-beratkan tentang sukatan dan timbangan ketika menjalankan urusan perniagaan atau berjual beli, serta melarang dari melakukan penipuan dalam kedua-dua kegiatan tersebut, seperti dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

"أَوْفُوا الْكِيلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ، وَزِنُوا بِالْقَسْطَاسِ

الْمُسْتَقِيمِ".¹⁹

¹⁷ Surah al-Baqarah (2: 275).

¹⁸ Surah al-Baqarah (2: 280).

¹⁹ Surah al-Syu'arā' (26: 181-182).

Maksudnya: “*Hendaklah kamu menyempurnakan sukatan cupak-gantang dan janganlah kamu menjadi golongan yang merugikan orang lain. Dan timbanglah dengan dacing atau neraca yang betul timbangannya*”

6. Menerangkan cara untuk berurus (*mu'amalat*) tentang hutang-piutang mengikut landasan yang betul. Ini telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَتْ مَسْمَى فَاكْبُرُوهُ.²⁰

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang berkenaan dan masa bayarannya) itu....*”

7. Mewajibkan semua mukmin supaya melakukan penyaksian, atau menjadi saksi dan perlu menyempurnakannya, sepetimana diarahkan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

وَلَا كُتُمُوا الشَّهَادَةَ، وَمَن يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ أَثْمٌ قَلْبٌ ...²¹

Maksudnya: “...*dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) cuba menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya...*”

8. Memerintahkan supaya berlaku adil dalam semua perkara serta menggalakannya, seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam firmanNya yang berbunyi:

وَلَا يَجِرْنَكُمْ شَنَآنَ قَوْمٍ عَلَىٰ لَا تَعْدُلُوا، إِعْدُلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىِ ...²²

Maksudnya: “...*dan janganlah sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu berlaku tidak adil. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa juga) kerana keadilan atau besikap adil itu lebih hampir kepada sifat taqwa...*”

²⁰ Surah al-Baqarah, (2: 282).

²¹ Surah al-Baqarah, (2: 283).

²² Surah al-Mâ'idah, (5: 8).

Kedua: Berhubung dengan undang-undang sya'riat secara khusus seperti hudud dan qisas, Allah SWT juga telah menyebut dengan jelas mengenainya, antara lain ialah:

1. Al-Qur'an mengharamkan pembunuhan dan pertumpahan darah, kecuali dengan hak atau kebenaran yang membolehkan seseorang melakukannya, seperti dalam firman Allah SWT:

" لَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ، ذَلِكَ مِنْ وَصَائِمٍ بِهِ لَعِلَّكُمْ تَعْلَمُونَ ".²³

Maksudnya: "...dan janganlah kamu membunuh jiwa atau diri yang telah diharamkan Allah (membunuhnya), melainkan dengan jalan yang haq (yang dibenarkan oleh syara'). Dengan yang demikian itulah Allah memerintahkanmu, supaya kamu memahaminya."

2. Menjelaskan bahawa Allah telah mensyariatkan kepada kita semua, hukum *qiṣāṣ* iaitu bunuh balas dalam kes pembunuhan, seperti yang disebutkan di dalam firmanNya yang berbunyi:

" يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتُبْ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَاتِلِ ".²⁴

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! diwajibkan kamu menjalankan *qiṣāṣ* sebagai balasan yang seimbang dalam perkara orang-orang yang mati di bunuh ... "

Namun begitu, Allah SWT mengalakkan kepada kemaafan atau keampunan dengan cara menyeru mereka ke arah tersebut, seperti firmanNya yang berbunyi:

" فَمَنْ عَفَى لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعُ الْمَعْرُوفِ وَأَدَاءُ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ... ".²⁵

Maksudnya: "...maka sesiapa (pembunuhan) yang mendapat sebahagian keampunan daripada saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah (orang yang mengampunkan itu) mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti rugi nyawa atau diyah) dan (si pembunuhan pula) hendaklah menunaikan (bayaran ganti rugi nyawa atau diyah itu dengan cara sebaik-baiknya pula..."

²³ Surah al-An'ām, (6: 151).

²⁴ Surah al-Baqarah, (2: 178).

²⁵ Surah al-Baqarah, (2: 178).

3. Manakala dalam kes hudud pula, ada empat jenis hukum yang telah ditetapkan oleh syara', iaitu:

i. *Had zina*, al-Qur'an telah menetapkan hukuman sebat sebanyak 100 rotan, seperti dalam firman Allah SWT:

"الزانية والزانى فاجلدوا كل واحد منهما مائة جلدة ولا تأخذكم بهما رأفة في دين الله إن كنتم تومنون بالله واليوم الآخر".²⁶

Maksudnya: "... perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat, dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya, dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat"

ii. *Had melempar tuduhan zina*; al-Qur'an telah menentukan hukum sebat sebanyak 80 rotan atau sebatan, seperti dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

"والذين يرمون الحصنات ثم لم يأتوا بأربعة شهادة باجلدوهم ثانية جلدة ولا تقبلوا لهم شهادة أبدا...".²⁷

Maksudnya: "... dan orang-orang yang melemparkan tuduhan (zina) kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawa empat orang saksi, maka sebatlah mereka sebanyak lapan puluh kali sebat dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya, kerana mereka adalah orang-orang yang fasiq"

iii. *Had mencuri*; al-Kitab telah juga menetapkan hukuman potong tangan sekiranya cukup syarat-syaratnya, seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam firmanNya:

"والسارق والسارقة فاقطعوا أيديهما جزاء بما كسبا نكالا من الله ...".²⁸

²⁶ Surah al-Nūr (24: 2).

²⁷ Surah al-Nūr (24: 4).

²⁸ Surah al-Mā'idah (5: 38).

Maksudnya: "... dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri, maka (hukumannya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah lakukan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah"

iv. *Had* penyamun/perompak/perampas/pembunuh di jalan; iaitulah mereka yang telah menentang (hukum) Allah SWT dan RasulNya, serta yang berusaha melakukan kerosakan di atas muka bumi ini, Allah SWT telah menjelaskan melalui firmanNya dalam al-Qur'an:

إِنَّمَا جَزَاءُ الظَّالِمِينَ مَنْ حَارَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيُسَعِّونَ فِي
الْأَرْضِ فَسَادُوا أَنْ يُقْتَلُوا أَوْ يُصْلَبُوا أَوْ تُقْطَعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ
مِّنْ خَلَافٍ أَوْ يُفْوَى مِنَ الْأَرْضِ ، ذَلِكَ لَهُمْ خَزِيرَةٌ فِي الدُّنْيَا
وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ .²⁹

Maksudnya: "... hanya sanya balasan orang-orang yang memerangi Allah dan RasulNya serta melakukan bencana kerosakan di muka bumi, ialah dengan dibalas bunuh (kalau mereka membunuh sahaja dan tidak merampas) atau dipalang/salib (kalau mereka membunuh dan merampas) atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bersilang (kalau mereka merampas sahaja) atau dibuang negeri (kalau mereka hanya mengganggu ketenteraman umum). Hukuman yang demikian itu adalah suatu kehinaan di dunia bagi mereka dan di akhirat kelak mereka beroleh azab seksa yang amat besar dan pedih"

Hukuman ini adalah menjadi tugas pemerintah atau kerajaan untuk melaksanakannya bagi menjamin ketenteraman awam atau rakyat seluruhnya.

Ketiga: Berhubung dengan adab atau tata-susila, akhlak atau moral dan sosial; al-Qur'an telah menyebut banyak sekali aspek-aspek ini yang membuktikan dengan jelas ketinggian agama Islam dan tamadunnya, sebagai agama kemasyarakatan, sosial, universal atau bersifat sejagat. Dengan tujuan untuk memberi dan mencapai kebahagiaan di dunia juga di akhirat secara seimbang. Antara saranan-saranannya adalah seperti berikut:

1. Meminta izin antara ahli keluarga dalam sebuah rumah, seperti dalam firman Allah SWT yang berbunyi:

²⁹ Surah al-Mâ' idah (5: 33).

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِيَسْتَدِنُّكُمُ الَّذِينَ مَلَكُتُ أَيْمَانَكُمْ وَالَّذِينَ لَمْ يَلْغُوا الْحَلْمَ مِنْكُمْ ثَلَاثَ مَرَاتٍ، مِنْ قَبْلِ صَلَاةِ الْفَجْرِ وَحِينَ تَضَعُونَ ثِيَابَكُمْ مِنَ الظَّهِيرَةِ وَمِنْ بَعْدِ صَلَاةِ الْعَشَاءِ، ثَلَاثَ عُورَاتٍ لَكُمْ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ بَعْدُهُنَّ، طَافُونَ عَلَيْكُمْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَعْضٍ، كَذَلِكَ يَبْيَسُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ، وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ".³⁰

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! hendaklah hamba-hamba kamu dan orang-orang yang belum baligh dari kalangan kamu, meminta izin kepada kamu (sebelum masuk ke tempat kamu) dalam tiga masa, (iaitu) sebelum solat subuh, ketika kamu membuka pakaian kerana kepanasan tengah hari dan sesudah solat 'isya', iaitu tiga masa bagi kamu (yang biasanya terdedah 'aurat kamu padanya). Kamu dan mereka tidaklah bersalah kemudian daripada tiga masa tersebut, (kerana mereka) orang-orang yang selalu keluar masuk kepada kamu dan kamu masing-masing sentiasa berhubung rapat antara satu dengan lain. Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

2. Meminta izin ketika ziarah-menziarahi antara satu sama lain. Al-Qur'an telah menjelaskan dalam firman Allah SWT:

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَدْخُلُوا بيوتاً غَيْرَ بيوتِكُمْ حَتَّىٰ تَسْأَسِنُوا وَتَسْلِمُوا عَلَىٰ أَهْلِهَا، ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا فِيهَا أَحَدًا فَلَا تَدْخُلُوهَا حَتَّىٰ يُؤْذَنَ لَكُمْ، وَإِنْ قِيلَ لَكُمْ ارْجِعُوا فَارْجِعُوا هُوَ أَزْكَىٰ لَكُمْ، وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ. لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَدْخُلُوا بيوتاً غَيْرَ مَسْكُونَةٍ فِيهَا مَتَاعٌ لَكُمْ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَبْدَوْنَ وَمَا تَكْتُمُونَ".³¹

³⁰ Surah al-Nūr (24: 58).

³¹ Surah al-Nūr (24: 27-29).

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu terlebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya, yang demikian adalah baik bagi kamu, supaya kamu beringat (mematuhi cara dan peraturan yang sopan itu). Maka sekiranya kamu tidak mendapatkan sesiapa (yang berhak memberi izin) maka janganlah masuk ke dalam rumah itu sehingga kamu diberi izin dan jika dikatakan kepada kamu “baliklah”, maka hendaklah kamu berundur balik, cara yang demikian adalah lebih suci bagi kamu dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu lakukan. Tidak menjadi salah kamu memasuki (dengan tidak meminta izin) mana-mana rumah yang tidak didiami orang, yang ada keperluan kamu,³² dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu zahirkan dan juga sembunyikan...”*

3. Melarang wanita mendedahkan hiasan tubuh mereka kecuali yang zahir, iaitu pada anggota zahir atau luar sahaja, seperti dalam firman Allah SWT dalam al-Qur'an:

" لا يَدِينُ زَيْتَهُنَّ إِلَّا لِعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ بَوْلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ إِخْرَانَهُنَّ أَوْ بَنِي إِخْرَانَهُنَّ أَوْ بَنِي أَخْوَانَهُنَّ أَوْ نِسَانَهُنَّ أَوْ مَا مَلَكُتْ أَيْمَانَهُنَّ ..."³³"

Maksudnya: “... dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher baju dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh melainkan kepada suami mereka, bapa, bapa mertua, anak-anak, anak-anak tiri, saudara-saudara, anak-anak saudara sebelah lelaki, anak-anak saudara sebelah perempuan, perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka”

4. Menyuruh supaya dibalas penghormatan orang lain dengan cara yang lebih baik ataupun serupa dengannya, seperti firman Allah SWT dalam al-Qur'an al-Karim yang berbunyi:

" إِذَا حَيَّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحِّوا بِأَحْسَنِ مِنْهَا أَوْ رَدُّوهَا ..."³⁴"

³² Yakni rumah-rumah umum seperti kedai perniagaan, rumah-rumah tumpangan, rumah-rumah persatuan dll. Lihat *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*, JPM, Nota kaki, hal 898.

³³ Surah al-Nūr (24: 31).

³⁴ Surah al-Nisā' (4: 86).

Maksudnya: “.... *Dan apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan cara yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama)*”

5. Menyuruh supaya sentiasa bersabar serta menggalakkannya. Sifat sabar menjadi suatu faktor penting bagi memperolehi kejayaan, seperti firman Allah SWT dalam al-Qur'an al-Karim:

وَالْعَصْرُ، إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خَسْرٍ، إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا
الصَّالِحَاتِ، وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّابَرِ.³⁵

Maksudnya: “*Demi masa, sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran.*”

c) Aspek Ekonomi

Sebenarnya kemunculan atau penurunan al-Qur'an al-Karim telah membawa berbagai ciri pengajaran yang sempurna dan lengkap, di samping mengemukakan idea saintifik dengan teori yang praktikal. Malah menjadi asas kegiatan ekonomi dalam urusan pengeluaran dan pengagihan keperluan.

Memadailah kalau dikemukakan di sini secara ringkas, sebagai contoh, penekanan al-Qur'an dalam aspek ini, dengan membawa beberapa kenyataan Allah SWT melalui firmanNya dalam Kitab Suci tersebut. Al-Qur'an al-Karim telah meletakkan beberapa prinsip secara kolektif untuk menyusun kedudukan ekonomi ini. Ia juga membawa berbagai ciri praktikal yang lengkap dan mengemukakan idea saintifik, merangkumi pelbagai aspek utama bagi membantu masyarakat manusia sejagat dalam fenomena ekonomi mereka, serta menjamin tahap kebahagiaan yang tinggi dan tamadun yang maju. Antara prinsip-prinsip dan ciri-ciri yang diutarakan dalam al-Qur'an adalah seperti berikut:

1. Konsep Pekerjaan

Berkerja adalah cara biasa dalam usaha mendapatkan keperluan hidup. Ia merupakan asas tertegaknya masyarakat manusia; contohnya terdapat seseorang dari anggota masyarakat yang bertani, menjalankan industri, bermiaga, mengubati pesakit, menjaga keamanan, mempertahankan negara dan lain-lain pekerjaan yang akan membentuk sistem kehidupan sebuah masyarakat manusia.

³⁵ Surah al-'Asr (103: 1-3).

Oleh kerana itu Islam sangat menggalakkan supaya umat Islam bekerja serta mendorong mereka untuk berusaha melalui saluran-saluran yang dibenarkan. Firman Allah SWT:

"هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلْلًا فَامْشُوا فِي مَا كَبَّهَا

وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ النَّسُورُ".³⁶

Maksudnya: "Dialah (Allah) yang menjadikan bumi bagi kamu; mudah digunakan, maka berjalanlah di merata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah; dan (ingatlah) kepada Allah jualah (tempat kembali kamu sesudah) dibangkitkan hidup semula; (maka hargailah nikmatNya dan takutilah kemurkaanNya)."

Allah SWT juga telah berfirman dalam al-Qur'an al-Karim:

"فَإِذَا قَضَيْتُ الصَّلَاةَ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ

فَضْلِ اللَّهِ وَادْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ".³⁷

Maksudnya: "Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."

Sabda Rasulullah s.'a.w dalam sebuah hadisnya:

"مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَاماً قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ

يَدِهِ، وَإِنْ نَبَىَ اللَّهُ دَازُودٌ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ

يَدِهِ".³⁸

Maksudnya: "Seseorang itu tidak makan sesuatu makanan yang lebih baik daripada dia memakan hasil usaha tangannya sendiri. Sesungguhnya Nabi Allah Daud a.s. adalah memakan hasil usaha tangannya sendiri."

³⁶ Surah al-Mulk (67: 15).

³⁷ Surah al-Jumu'ah (62: 10).

³⁸ Hadis dikeluarkan oleh al-Bukhari dalam *Kitab al-Buyu'*. Abu 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Idarah al-Tib'a'ah al-Muniriyyah, 'Alam al-Kutub, Beirut (1986M / 1406H), juzu' 3, hal. 121.

Rasulullah s.'a.w juga telah bersabda dalam hadisnya yang lain:

"لَأَنَّ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ جَلَّهُ فِي حِتْطَبِ حَزْمَةٍ عَلَى ظَهْرِهِ خَيْرٌ
لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيهِ أَوْ يَمْنَعُهُ".³⁹

Maksudnya: "Demi diriku yang berada dalam genggamanNya, jika ada seseorang daripada kamu yang mengambil seutas tali, lalu dia mengumpul atau mencari kayu api dan memikul di atas bahunnya, adalah lebih baik baginya daripada dia datang kepada seseorang lalu menghulur tangan meminta sesuatu darinya, boleh jadi diberi kepadanya ataupun tidak."

Cukup banyak lagi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis serta kata-kata hikmat yang menunjukkan perhatian Islam terhadap pekerjaan; ia sangat-sangat mengambil berat mengenainya, membuktikan tahap kepentingannya kepada seseorang individu dan juga masyarakat secara kolektif.

2. Perlaksanaan Zakat

Zakat antara asas terpenting bagi pembangunan masyarakat manusia dan penyusunan ekonominya. Ia adalah antara faktor-faktor yang boleh mengurangkan perbezaan kedudukan manusia dalam keghairahan dunia ini, di samping dapat membersihkan jiwa golongan kaya dari sifat-sifat tamak dan kedekut.

Melalui sistem ini juga terserlah konsep simpati golongan kaya terhadap golongan miskin untuk menampung keperluan mereka. Ia juga boleh menyelamatkan golongan kaya dari perasaan dendki terhadap mereka yang mungkin timbul dalam diri golongan miskin dan kurang berasib baik.

Berikutnya dari itu akan tersebarlah perasaan kemesraan dan kasih sayang yang boleh menguatkan hubungan baik, lemah-lembut dan hormat-menghormati antara mereka. Justeru itu Islam telah menjadikannya salah satu rukun tertegaknya binaan Islam itu sendiri. Banyak ayat-ayat al-Qur'an telah menggalakkan serta mendorongkannya. Malah ia digandingkan dengan solat; kerana solat merupakan hubungan antara hamba dengan Tuhan yang mengandungi ciri pembentukan diri dan jiwa. Manakala perlaksanaan zakat pula merupakan hubungan antara golongan kaya dan miskin yang mengandungi ciri pembentukan masyarakat.

Dalam konteks ini Allah SWT telah berfirman dalam al-Qur'an:

³⁹ Op.cit., hal 229.

"وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا ،
وَمَا تَقْدِمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا".⁴⁰

Maksudnya: "... dan dirikanlah sembahyang serta keluarkanlah zakat; dan berilah pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (ikhlas). Dan (ingatlah), apa jua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya pada sisi Allah, sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya"

Allah SWT juga telah berfirman dalam al-Qur'an al-Karim:

"وَمَا آتَيْتُمْ مِّنْ رِبًا لِيَرْبُوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا عَنْدَ اللَّهِ ، وَمَا آتَيْتُمْ مِّنْ زَكَاةً تَرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ".⁴¹

Maksudnya: "Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan,⁴² supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia, maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredhaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala yang berganda-ganda."

Rasulullah s.'a.w juga telah menjelaskan melalui sabda Baginda:

"بَنِي الإِسْلَامِ عَلَىٰ خَسْ: شَهَادَةُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، إِقَامُ الصَّلَاةِ ، وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ ، وَحَجَّ الْيَمَنِ ، وَصُومُ رَمَضَانَ".⁴³

⁴⁰ Surah al-Muzzammil (73: 20).

⁴¹ Surah al-Rūm (30: 39).

⁴² Yakni pemberian yang bertujuan mendapat lebih daripada itu. Lihat *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Jabatan Perdana Menteri, cet. 1, nota kaki, hal 1065.

⁴³ Dikeluarkan oleh Muslim dalam bab "Bayān Arkān al-Islām wa Da'āimuhu al-'Azāim", Lihat *Şahih Muslim bi Syarḥ al-Nawawi*, Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, Lubnan, juzu' 1, hal 177.

Maksudnya: “Islam ditegakkan di atas lima perkara: Mengaku tiada tuhan selain Allah dan Muhammad itu pesuruhNya, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah dan puasa bulan Ramadhan.”

Malah banyak lagi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi yang mendedahkan mengenai berbagai sudut ekonomi yang boleh menjamin kebahagiaan hidup masyarakat.

Bagi sesiapa yang melihat kepada perlaksanaan zakat dan kesannya dalam masyarakat, akan dapat mamahami hikmat disebalik kewajipan itu, dengan menjadikannya salah satu rukun dari rukun-rukun agama, dan martabatnya yang ketiga selepas pengakuan keEsaan Allah SWT serta kewajipan sembahyang. Bilamana jiwa setiap muslim sudah yakin dengan kebenaran ini, maka menjadi kewajipan kepadanya terhadap saudara muslimnya yang lain, mengajaknya untuk mengetahui bahawa banyak lagi jenis-jenis pertolongan selain dari harta.

3. Mengharamkan Riba

Riba adalah antara faktor kerosakan dan sangat merbahaya kepada masyarakat manusia dari sudut ekonomi dan kemasyarakatan atau sosial. Ia bercanggah dengan akhlak mulia yang mesti menguasai seluruh masyarakat yang baik dan murni; seperti bermaruah, bantu-membantu, pengasih atau penyayang dan sikap hormat-menghormati. Riba juga akan melahirkan individu-individu masyarakat yang bersifat dengki dan bersikap marah. Sistem ini juga boleh membawa kepada lahirnya pemilik-pemilik harta yang diperolehi tanpa banyak berusaha; mereka mengeksplorasi keperluan seseorang dan mengenepikan kerja-kerja yang dibenarkan untuk mendapat rezeki yang halal, mengutamakan untuk lepak sahaja dan bersikap malas berkerja.

Malah mereka akan berurusan secara riba bagi merehatkan badan dari kerja-kerja seperti pertanian, perniagaan dan sebagainya, di mana kerja-kerja seumpama memerlukan usaha keras dan penat lelah. Riba juga akan mewujudkan jurang yang luas antara lapisan masyarakat, iaitu pihak pemilik harta dan pemodal-pemodal supaya berpihak kepadanya dengan mengenepikan para perkerja yang berusaha keras. Dalam konteks ini al-Qur'an al-Karim ada menyatakan:

⁴⁴ لَكِلَّا يَكُونُ دُولَةٌ بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ... " .

Maksudnya: “... supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu”

³³ Surah al-Hasyr (59: 7).

Adalah jelas bahawa sistem riba mengandungi faktor-faktor kerosakan masyarakat dan ekonomi serta hilangnya keseimbangan antara anggotanya. Justeru pengharaman dan larangan terhadapnya merupakan suatu perundangan yang tepat dan bijaksana, lantaran kesannya yang mendalam kepada ekonomi umat dan penghidupan mereka. Allah SWT juga berfirman:

"يَا أَيُّهَا الَّذِينَ مُنْهَى لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مَضَاعِفَةٍ...".⁴⁵

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat ganda,⁴⁶ dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya."

Rasulullah s.'a.w juga bersabda:

"لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ (صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) أَكْلُ الرِّبَا وَمُؤْكَلُهُ
وَكَاتِبُهُ وَشَاهِدِيهِ، وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ".⁴⁷

Maksudnya: "Rasulullah s.'a.w melaknat atau mengecam pemakan atau pengambil riba, pemberinya, kerani/penulisnya dan dua pemerhati/saksinya, dan Baginda bersabda lagi: Mereka adalah sama sahaja."

Sesebuah masyarakat yang berpegang dan beramal dengan agama Islam; akan sentiasa mengingati firman Allah SWT:

"مَنْ ذَا الَّذِي يَقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فِي ضَاعِفَةٍ لَهُ
أَضْعَافًا كَثِيرَةٍ...".⁴⁸

Maksudnya: "Siapakah yang (mahu) memberikan pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat-gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya?"

Banyak lagi contoh ayat-ayat dan hadis yang menggalakkan supaya manusia berbelanja dan melakukan kebajikan kerana Allah. Inilah bentuk masyarakat yang baik

⁴⁵ Surah Alī 'Imrān (3: 130).

⁴⁶ Riba diharamkan dalam segala bentuknya, sama ada berlipat ganda atau tidak. Ayat ini hanya menerangkan sejhat-jahat bentuk riba yang biasa dijalankan pada zaman jahiliyah.

⁴⁷ Diriwayatkan oleh Muslim dan ditambah oleh al-Tirmidhi, lihat 'Izzuddin Baliq, *Manhaj al-Sālihīn*, Dār al-Fikr, hal. 622.

⁴⁸ Surah al-Baqarah (2: 245).

dan harmoni yang diimpikan oleh manusia sejagat. Malah itulah asas-asas kaedah yang telah dikemukakan serta diterapkan oleh Rasulullah s.'a.w untuk diikuti dan dilaksanakan.

d) Aspek Politik

Nabi Muhammad s.'a.w telah mengatur dan mentadbir umatnya dengan pentadbiran yang kemas, teratur dan bijaksana. Baginda amat bersabar menghadapi pelbagai penyeukan, menanggung sikap liar, menjauhkan diri mereka darinya, memaafkan kesalahan mereka, menerima kezuruan mereka, menghubung dengan sesiapa yang cuba memutus dan menghalang mereka. Baginda tidak pernah melayani seseorang dengan cara yang buruk, sentiasa menziarahi golongan lemah dan orang-orang sakit, sehingga mereka sanggup meninggalkan tanah air dan harta benda kerananya, mengutamakan Baginda melebihi diri dan anak isteri mereka. Malah ada di antara mereka yang sedia berjuang atau berperang menghadapi bapa atau saudara sendiri sekalipun.

Baginda mempunyai pandangan yang tajam dan fikiran yang mantap. Ketika kedudukan Baginda sudah tetap dan teguh di Kota Madinah; Baginda telah mempersaudarkan antara golongan *muhājirin* dan *anṣār* dengan persaudaraan yang menghasilkan natijah cukup baik, sehingga mereka semua dapat menerima pusaka melalui persaudaraan ini mendahului pusaka secara pertalian keluarga.⁴⁹

Cuba kita perhatikan kepada pentadbiran politiknya yang kemas dan bijaksana ketika mengadakan perjanjian perdamaian antara Muslimin dengan Yahudi. Mereka diakui dan dibenarkan menganut agama serta memiliki harta mereka, antara mereka dengan Muslimin perlu berkerja-sama dalam menghadapi pencerobohan ke atas Yathrib (Madinah); seperti terdapat dalam butiran perjanjian ini mengatakan: “*Sesungguhnya jika berlaku antara ahli atau anggota perjanjian ini sesuatu peristiwa atau perselisihan yang dibimbangi kemerbahayaannya, maka perlulah kembali kepada Allah ‘Azza wa Jalla dan kepada Rasulullah s.’a.w*”⁵⁰

Cuba kita perhatikan pula fikirannya yang tepat ketika membuat Perjanjian Damai Hudaibiyah. Baginda telah menerima antara syarat-syarat golongan Quraisy yang disangka oleh Umar al-Khatṭāb dan beberapa orang sahabat sebagai merugikan kaum

⁴⁹ Telah dihapuskan penerimaan pusaka secara persaudaraan ini selepas berlakunya peperangan Badar, lihat al-Maqrizi, *Imtā’ al-Asmā’*, cet. Lajnah al-Ta’lif wa al-Tarjamah wa al-Nasyr, Kaherah (1981), jilid 1, hal. 49 & 50.

⁵⁰ Muṣṭafā al-Saqā, Ibrāhim al-Abyari, ‘Abd. al-Hafiz Syalabi, *Sirah Ibn Hishām*, Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Halabī, (1955M/1375H), jilid 2, hal. 217 & 218, iaitu perjanjian kerjasama pertama dan tanpa permusuhan antara Muslimin dan Yahudi.

Konsep Dan Ciri-ciri Tamadun Dalam al-Quran

Muslimin, namun demikian tidak berapa lama berlalu sehingga berlakunya pembukaan/penguasaan yang jelas dan meluas.

Tidak perlulah kita merasa aneh melihatkan sifat pemaaf dan rahmahnya, bilamana Baginda dapat menguasai golongan Quraisy pada hari Pembukaan Makkah. Orang ramai meramalkan mereka akan dikenakan hukuman berat sebagai balasan apa yang mereka lakukan terhadap Baginda serta sahabat-sahabatnya dahulu. Sebaliknya Baginda telah membebas dan memaafkan mereka semua sambil bersabda maksudnya: “*Tidaklah menjadi kesalahan atau tercela bagi kamu semua pada hari ini, pergila!* *Kamu semua adalah bebas.*”⁵¹

Inilah sifat Tuhan kamu iaitu sangat pemaaf sedangkan Dia berkuasa. Seandainya Muhammad s.a.w mahu membala dendam bagi dirinya dan sahabat-sahabatnya dia mampu dan berkuasa melakukannya, tetapi bagaimana mungkin berlaku demikian sedang Allah SWT sendiri telah menyatakan mengenai diri Baginda melalui firmanNya dalam al-Qur'an al-Karim:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خَلْقٍ عَظِيمٍ .⁵²

Maksudnya: “*Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia.*”

Baginda Rasulullah s.a.w sendiri apabila membuat sesuatu perjanjian tetap komited dan pasti menyempurnakannya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah:

... وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْمُسْئُلاً .⁵³

Maksudnya: “*... dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya ...*”

Melalui pentadbiran politik yang mantap, disertakan dengan perundangan yang kemas dan bijaksana, juga akhlak yang tinggi lagi mulia ini telah membawa hasilnya yang cemerlang. Muhammad s.a.w telah dikenali oleh orang yang tidak pernah mengenalinya sebelum itu. Seruan Baginda telah diterima oleh orang yang pada mula menolaknya, sehingga orang ramai telah memeluk agama Islam secara beramai-ramai atau berpuak-puak.

⁵¹ Abū Zaid Syalabī, *Tārīkh al-Hadārah al-Islāmiyyah wa al-Fikr al-Islāmi*, cet. al-Istiqlāl al-Kubrā, Kaherah (1964), hal. 59.

⁵² Surah al-Qalam (68: 4).

⁵³ Surah al-Isrā' (17: 34).

Dari sini ternyata bahawa masyarakat Arab dan Islam telah menyerlah dan memiliki keistimewaan tersendiri dengan ciri-ciri yang mulia serta sifat-sifat yang terpuji. Fenomena-fenomena yang indah telah diperkenal dan diwujudkan oleh agama Islam yang maha suci, antaranya ialah:

1. Keimanan kepada Tuhan Yang Maha Esa, setelah mereka menyembah tuhan-tuhan yang banyak.
2. Penyelesaian kepada pelbagai pertelingkahan dan pertempuran yang berlaku antara mereka; dengan itu berakhirlah segala perperangan serta serangan yang telah mengeruhkan penghidupan mereka.
3. Rasulullah s.a.w telah mendidik akhlak mereka, menghapuskan berbagai adat-resam buruk yang berakar umbi di kalangan mereka seperti menuntut bela, membunuh anak-anak perempuan dan meminum arak.
4. Baginda telah menyuburkan di kalangan mereka semangat kasih sayang, merapatkan hati-hati mereka; dengan itu kesatuan agama telah berjaya mengambil tempat kesatuan *qabilah*.
5. Baginda sentiasa menyeru kepada persaudaraan dan persamaan. Kelebihan hanya terletak pada amalan baik dan ketaqwaan seperti firman Allah:

"يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شَعُوبًا وَقَبَائلَ لِتَعْرِفُوا، إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقَكُمْ ..."

⁵⁴ شَعُوبًا وَقَبَائلَ لِتَعْرِفُوا، إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفَاقَكُمْ ...".

Maksudnya: "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku-suku, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui, lagi Amat Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu)"

Sabda Rasulullah s.a.w pula dalam hal ini:

"أَنْظُرْ إِنْكَ لِسْتَ بِخَيْرٍ مِّنْ أَحْمَرْ وَأَسْوَدْ إِلَّا يَفْضُلْهُ تَقْوَىُ اللَّهِ".

⁵⁴ Surah al-Hujurāt (49: 13).

⁵⁵ Jalāluddīn al-Suyūṭī, *al-Jāmi‘ al-Saghīr*, cet. al-‘Āmiriyah al-Syarqiyah, Kaherah (1304H), Jilid 1, hal. 275.

Konsep Dan Ciri-ciri Tamadun Dalam al-Quran

Maksudnya: "*Ingalah! Sesungguhnya kamu bukanlah orang yang lebih baik dari orang yang berkulit merah dan tidak juga yang berkulit hitam, melainkan yang melebihkannya ialah taqwa kepada Allah...*"

Dengan itu Baginda telah menghapuskan sifat kebanggaan yang terdapat pada zaman *jahiliyah*.

6. Baginda juga telah mendorong mereka supaya berjuang atau berjihad pada jalan Allah atau agamaNya, mempertahankan dakwah; dengan itu berlakulah perluasan dan pembukaan negeri yang besar dan luas.
7. Baginda telah menyediakan untuk mereka suatu perundangan yang mencakupi semua tuntutan dan keperluan kehidupan keagamaan dan kemasyarakatan, politik dan ilmu pengetahuan. Ia merupakan perundangan yang bebas dan berbeza sama sekali daripada semua jenis perundangan yang terdahulu.
8. Akhirnya, Baginda telah menyedarkan orang-orang Arab buat pertama kalinya dalam sejarah, bahawa mereka bernaung di bawah naungan sebuah kerajaan sahaja yang mempunyai satu perlembagaan, dan semua orang perlu merujuk atau berpandukan kepadanya, mempunyai seorang ketua atau pemimpin yang dipatuhi oleh seluruh umat, dia kasih kepada mereka dan mereka kasih kepadanya.

Dengan itu, sempurnalah penghidupan mereka dengan menetapnya Rasulullah s.a.w di Kota Madinah sebagai tempat tinggal yang berkekalan, menegakkan sebuah negara atau kerajaan yang mempunyai rukun-rukun dan konsep-konsepnya sendiri, yang telah digariskan oleh ahli undang-undang masa itu. Inilah komponen berbagai sistem yang dikemukakan oleh Baginda supaya terbukti kepada semua manusia, betapa Islam tidak pernah mengabaikan mana-mana aspek tamadun, tidak pernah melupai satupun asas keperluan kehidupan ini. Malah Islam merupakan agama yang merangkum kebahagiaan seluruh manusia sejagat di semua tempat dan masa.

Realitinya, sesiapa yang melihat dan meneliti keadaan masyarakat Arab sebelum Islam dan keadaan mereka sesudah Islam, kemudian cuba membandingkan antara dua keadaan tersebut, dia akan dapat mengetahui dengan cepat dan mudah, bahawa agama yang dibawa kepada mereka oleh Muhammad s.a.w adalah satu-satunya perkara baru yang terbaik untuk mereka. Dialah yang telah membetulkan akhlak mereka, mendidik jiwa mereka, menyatukan bangsa mereka, memperbaiki masyarakat mereka, meninggi dan memuliakan keadaan serta kedudukan mereka. Dengan ini, mereka telah menjadi satu umat yang berilmu setelah berada dalam kejahanan, satu umat yang terarah atau terpimpin sesudah berada dalam kesesatan, dan menjadi satu umat yang maju di mana sebelumnya mereka berada dalam keadaan mundur dan ketinggalan.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa asas tamadun Islam adalah bersumberkan al-Qur'an itu sendiri. Lantaran itu ia kekal unggul dan mantap. Inilah yang menjadi ciri pembeza antara tamadun Islam dengan tamadun yang lain. Hakikat ini telah diakui oleh ramai pengkaji dan penyelidik yang benar-benar jujur dan insaf tentang kebenaran dan kebaikan.

Di sana terdapat banyak lagi aspek mulia dan sempurna yang merupakan sebahagian dari gagasan atau komponen terpenting dalam tuntutan Tamadun Islam. Namun, semua itu tidak mungkin dapat tertegak atau terlaksana dengan sempurna, kecualialah dalam sebuah masyarakat Islam yang unggul dan sebenar. Konsep tersebut telah dapat diterapkan dengan jayanya dalam masyarakat Islam generasi pertama di bawah pimpinan Rasulullah s.'a.w dan al-Khulafa al-Rasyidin.

Jelasnya, semua aspek yang dinyatakan oleh al-Qur'an tersebut adalah untuk kepentingan umum. Memanglah setiap agama dan setiap tamadun itu pasti mempunyai tuntutan-tuntutan seperti ini, namun demikian, kita yakin bahawa apa yang telah diutarakan oleh Islam adalah suatu yang terbaik dan boleh dicapai oleh manusia sejagat.